

04 APR 1996

Ali-Keselamatan

KEMENTERIAN AKAN SELARASKAN PERATURAN PENGGUNAAN BILIK VIP

PULAU PINANG, 4 April (Bernama) -- Kementerian Pengangkutan akan menyelaraskan peraturan penggunaan bilik orang kenamaan (VIP) dengan pihak pengurusan lapangan terbang di seluruh negara bagi mengelakkan berulangnya masalah penyalahgunaan bilik berkenaan.

Timbalan Menteri berkenaan, Datuk Mohd Ali Rustam berkata, kementerian akan mengkaji perkara itu secara menyeluruh sebagai mematuhi arahan kabinet agar semua lapangan terbang mengikuti prosedur yang dilakukan di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz di Subang.

Kementerian itu juga akan mengadakan perbincangan dengan kerajaan Sabah berhubung perkara itu kerana urusan pengendalian lapangan terbang di sana terletak dalam bidang kuasa kerajaan negeri, katanya.

Beliau bercakap pada persidangan berita selepas menghadiri majlis perasmian Seminar Keselamatan Jalan Raya oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar di sini hari ini.

"Saya berpendapat lapangan terbang yang lain terutama di Semenanjung tidak menghadapi masalah berhubung penggunaan bilik VIP itu dan contoh yang paling baik ialah di Subang," katanya.

Semalam Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata peraturan berhubung penggunaan bilik orang kenamaan di semua lapangan terbang perlu dikaji semula bagi mengelakkan penyalahgunaan keistimewaan itu.

Dr Mahathir berkata demikian ketika mengulas kes seorang ahli perniagaan dari Sabah, Datuk Alfred Chin yang disyaki terbabit dalam penyeludupan senjata api setelah membolos pemeriksaan keselamatan menerusi bilik VIP lapangan terbang di Kota Kinabalu.

Mohd Ali juga berkata dengan adanya penyelarasan itu, pihak pengurusan lapangan terbang dapat memastikan hanya kumpulan VIP tulen boleh menggunakan kemudahan bilik berkenaan.

Katanya, di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz, hanya lima orang lain yang dibenarkan masuk ke bilik itu untuk menghantar mana-mana VIP dengan cara mengeluarkan pas tertentu. Tetapi di Sabah, keadaan agak longgar dan sesiapa pun bebas masuk ke sana selepas mengakui bahawa mereka adalah golongan VIP.

Beliau berkata, mereka yang benar-benar layak menggunakan bilik VIP itu terdiri daripada ketua-ketua negara atau negeri, wakil rakyat, anggota Exco dan ketua-ketua jabatan.

"Usahawan atau ahli perniagaan tidak tertakluk dalam kategori orang kenamaan tetapi sekiranya kerajaan negeri mahu memberi keistimewaan itu kepada pelabur, ia boleh memasukkan nama mereka sebagai tetamu kerajaan negeri dan memaklumkan nama dan maklumat peribadinya kepada pihak pengurusan lapangan terbang," katanya.

Ketika ditanya sama ada golongan VIP terkecuali daripada prosedur pemeriksaan keselamatan di lapangan terbang, beliau berkata kumpulan itu mesti melalui pemeriksaan keselamatan sebelum memasuki pesawat.

Beliau juga berkata, kementerian telah bersetuju untuk mensyaratkan orang ramai yang ingin mendapatkan lesen memandu, terutama penunggang motosikal, melawat ke wad kemalangan di hospital-hospital sebagai cara menimbulkan kesedaran untuk memandu secara berhemat.

Kementerian itu akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan bagi mendapatkan kerjasama untuk menjayakan program itu.

Program ini ditekankan kepada penunggang motosikal berikutan kadar

kemalangan yang tinggi melibatkan golongan itu di negara ini.

Selain itu, Mohd Ali berkata, Kementerian juga bercadang mengeluarkan lesen percubaan selama dua tahun kepada pemandu baru sebelum lesen tetap dikeluarkan.

Sekiranya semasa memegang lesen percubaan, pemandu tidak melakukan sebarang kesalahan lalulintas dan memandu dengan selamat mereka akan diberikan lesen tetap tetapi jika sebaliknya mereka perlu menduduki semula ujian memandu, katanya.

Untuk tujuan itu kementerian akan membentangkan pindaan kepada akta yang berkaitan pada persidangan Parlimen sama ada Julai atau Ogos ini dan jika semuanya berjalan lancar perkara ini akan dilaksanakan menjelang akhir tahun ini. -- BERNAMA

ZU NMO